

SOALAN NO: 497

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**  
**RUJUKAN : BL10 [PR-1353-T01645]**  
**SOALAN :**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan projek pembangunan di Kuala Lumpur.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kepong, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyenaraikan 335 projek dalam belanjawan tahun 2017 yang melibatkan kategori projek infrastruktur jalan dan perparitan, kemudahan awam seperti pusat komuniti, kemduahan sukan, tempat letak bertenikat, kawasan rekreasi dan sebagainya.

Daripada 335 projek tersebut, 98 projek telah siap dan di peringkat bayaran akaun akhir, 168 projek peringkat pelaksanaan dan 69 projek masih di peringkat rekabentuk.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**SOALAN : 498**

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan keputusan penyiasatan terkini akan tragedi yang menimpa penumpang MH17.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan jenayah berhubung naas pesawat MH17 masih dijalankan oleh *Joint Investigation Team (JIT)* yang diterajui oleh Belanda dan dianggotai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine. Siasatan jenayah tersebut perlu mendapatkan keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah sistem perundangan Belanda. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama. Pada masa ini, penyiasatan tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam naas pesawat MH17.